

# Kumpulan militan ada rangkaian di ASEAN

UM 13 JAN 2002

KUALA LUMPUR 12 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin kumpulan militan yang bergerak di negara ini mempunyai rangkaian dengan kumpulan militan di beberapa negara ASEAN.

Kumpulan militan di negara ini, menurut beliau, mempunyai pertalian dengan gerakan seumpama itu di Singapura, Indonesia dan Filipina.

"Ia ada kaitan dengan Indonesia, Malaysia, Filipina dan saya yakin Singapura juga," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis Hari Raya Aidilfitri Perbendaharaan Malaysia di Kompleks Kerajaan Jalan Duta di sini hari ini.

Beliau mengulas pendedahan kerajaan Singapura mengenai cubaan kumpulan pengganas untuk mendapatkan 21 tan bahan letupan bertujuan membina bom trak.

Kumpulan terbabit juga telah membuat intipan ke atas kepentingan dan Kedutaan Amerika Syarikat (AS) serta pejabat Kementerian Pertahanan republik itu.

Kerajaan Singapura turut mendedahkan percubaan anggota kumpulan itu yang mempunyai kaitan dengan Jemaah Islamiah, untuk mendapatkan 17 tan lagi ammonium nitrat kerana mereka telah mempunyai empat tan bahan itu yang disembunyikan di Malaysia.

Bahan tersebut dikatakan disimpan oleh anggota pengganas itu, Faiz Abu Bafana, 36, yang kini ditangkap bersama 15 anggota lain di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di

Singapura kerana kegiatan berkaitan keganasan antara 9 hingga 24 Disember lalu.

Bagaimanapun, rancangan kumpulan itu untuk mendapatkan bahan tersebut gagal apabila seorang anggotanya, Mohd. Elias a/l Mohamed Khan ditangkap oleh anggota Jabatan Keselamatan Dalam Negeri semasa cuba membeli bahan itu.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri memberitahu, pihaknya masih belum mendapat sebarang maklumat berhubung pendedahan Kerajaan Singapura itu.

---

## Maklumat

"Saya tidak tahu apa lagi mengenai perkara ini, saya tidak berani komen. Saya tidak mempunyai maklumat," jelasnya.

Sebelum itu, Perdana Menteri bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali meluangkan masa beramah mesra dengan kira-kira 1,000 kakitangan Perbendaharaan Malaysia pada majlis hari raya tersebut.

Ini merupakan kali pertama Dr. Mahathir menghadiri majlis hari raya itu sejak memegang jawatan Menteri Kewangan tahun lalu.

Ketibaan Dr. Mahathir bersama isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di disambut oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Shafie Salleh dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.